

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI TEMASHA PESTA BELIA DI STADIUM
NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 7HB
OGOS, 1962

Saya berasa amat sukacita oleh sebab dapat hadir di sini pada malam ini kerana menyaksikan Pesta Belia bagi kali yang keduanya yang telah diadakan oleh Persatuan Kelab-kelab Belia Persekutuan Tanah Melayu. Saya yakin dan percaya Persatuan Kelab Belia dan kita semua yang hadir di sini sangat berbesar hati oleh sebab Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung¹ dan Seri Paduka Baginda Permaisuri Agung telah sudi bercemar duli hadzir ditemasya ini pada malam ini. Keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia adalah memberi galakan yang amat sangat kepada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi untuk menjalankan ikhtiar-ikhtiar bagi menggalakkan perasaan saling mengerti dan bersatu padu diantara satu dengan lain. Pemuda dan Pemudi Negara kita ini adalah mempunyai peranan yang penting di dalam tugas kita membina suatu negara dan satu bangsa yang kuat boleh mempunyai kedudukan yang sempurna disisi bangsa-bangsa di dunia.

Begitu juga saya berasa bangga melihatkan pemuda dan pemudi dari Singapura, Sabah. Brunei dn Sarawak ada juga hadir bersama-sama di sini. Kita ucapkan selamat datang yang istimewa kepada mereka itu disebabkan dengan berkat Allah Subhanahu Wataala lebih kurang setahun daripada tarikh ini, iaitu pada 31hb Ogos, 1963, Malaysia yang kita semua citai itu dapat diwujudkan dan dapatlah saudara dan saudari kita dari negara-negara seberang laut itu berada dengan kita setaraf dan sebagai satu bangsa. Pemuda dan pemudi ialah harapan bangsa kita pada masa yang akan datang dan jikalau mereka itu dikehendaki menjalankan tugas mereka itu dengan sempurna maka menjadi kewajipanlah bagi kita sekarang ini memberi bantuan, pertolongan dan didikan kepada mereka itu. supaya dapat mereka itu mempunyai pengetahuan, semangat dan pengalaman yang sepenuhnya untuk melaksanakan tugas mereka itu dan untuk mengorbankan diri mereka itu kerana bangsa dan negara kita.

1 Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Persatuan Kelab-Kelab Belia Se Malaya atau M.A.Y.C. kerana telah berjaya mengadakan pesta ini dan juga menjalankan beberapa rancangan-rancangan untuk faedah pemuda-pemuda sekalian di seluruh Tanah Melayu ini. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat kepada Kelab-Kelab Pemuda ini saya, mengaku akan memberi apa-apa juga pertolongan dan galakan dan didikan yang mereka itu kehendaki.

Pada malam ini kita berasa bangga juga mengalu-alukan kehadiran pemuda dan pemudi dari Negeri Thailand iaitu sebuah negeri jiran kita yang kita mempunyai perhubungan dan tali persahabatan yang rapat. Sekumpulan daripada pemuda-pemuda dari Philippine pun telah berhajat hendak datang akan tetapi oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, mereka itu tidak dapat hadir pada kali ini, tetapi kita harap pada masa yang akan datang mereka itu dapat bersama-sama dengan kita. Negeri Thailand dan Philippine ialah bersama-sama dengan Negara kita menjadi ahli-ahli ASA. Oleh itu saya berharap kepada M.A.Y.C. supaya mengadakan perhubungan dengan pemuda pemudi Philippine dan Thailand supaya dapat diadakan persahabatan yang rapat di antara pemuda pemudi ketiga negara itu. Dengan ini dapatlah M.A.Y.C. menggalakkan tali persahabatan dan perasaan saling mengerti di antara tiga negeri ini iaitu tujuan yang sangat dikehendaki oleh ASA. Saya mendapat tahu bahawa M.A.Y.C. ada bertujuan hendak membuat demikian dan saya berharap cita-cita mereka itu akan mendapat sepenuh-penuh kehasilan.

Sekali lagi bagi pihak Jawatankuasa Penasihat dan juga Jawatankuasa Kerja, Persatuan Kelab-kelab Belia saya suka menyembahkan ucapan banyak-banyak terima kasih kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agung kerana sudi hadir bercemar duli di Stadium Negara pada malam ini dan juga sudi mengistiharkan pembukaan pesta ini. Saya berharap pertunjukan-pertunjukan yang akan kita saksikan ini akan menarik hati kita sekalian sebab saya percaya bangsa-bangsa yang mengambil bahagian disini akan berusaha bersungguh-sungguh menunjukkan kebolehan masing-masing. Oleh yang demikian saya dengan amat sukacitanya mempersilakan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung mengistiharkan pembukaan Pesta Belia bagi tahun 1962.